

Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama



# Kehidupan Seorang Pengikut

**T**iga puluh tahun yang lalu di Ghana, seorang pelajar universiti bernama Doe masuk gereja LDS untuk kali pertama. Seorang kawan telah menjemput Doe untuk menyertai dia, dan Doe ingin tahu lebih tentang Gereja.

Orang di sana begitu baik hati dan mesra sehingga dia tertanya-tanya, “Apakah jenis gereja ini?”

Doe merasa begitu kagum sehingga dia memutuskan untuk belajar lebih tentang Gereja dan orang-orangnya, yang dipenuhi dengan begitu banyak kebahagiaan. Tetapi bila dia bermula belajar, keluarga dan kawan-kawan bermula menentang dia. Mereka mengucapkan hal-hal yang sangat tidak baik tentang Gereja dan melakukan sedaya upaya mereka untuk meyakinkan dia supaya jangan dia terus belajar.

Tetapi Doe telah menerima kesaksian.

Dia mempunyai iman, dan dia mengasihi Injil, yang memenuhi kehidupan dia dengan kebahagiaan. Jadi, dia masuk air pembaptisan.

Setelah itu, dia rajin sekali dalam pembelajaran dan doa. Dia berpuasa dan mencari pengaruh Roh Kudus dalam kehidupan dia. Kerana itu, kesaksian dan iman Doe menjadi lebih kuat dan dalam. Akhirnya dia memutuskan untuk melayani misi penuh masa untuk Tuhan.

Setelah pulang dari misinya, dia berkahwin dengan seorang penganjil yang sudah selesai misi—bahkan penganjil itu yang membaptiskan dia bertahun-tahun yang lalu—dan kemudian mereka dimeteraikan di dalam Bait suci Johannesburg Afrika Selatan.

Banyak tahun telah berlalu sejak Doe Kaku pertama kali mengalami kebahagiaan Injil Yesus Kristus. Semasa

tahun-tahun itu, kehidupan tidaklah selalu manis untuk dia. Dia telah mengalami banyak patah hati dan keputusasaan, termasuk kehilangan dua anaknya—kesedihan yang dalam dari pengalaman-pengalaman itu masih berat pada hati dia.

Tetapi dia dan suaminya, Anthony, telah berusaha mendekati satu sama lain dan Bapa Syurgawi mereka yang dikasihi, yang mereka mengasihi dengan seluruh hati mereka.

Hari ini, 30 tahun selepas dia masuk air pembaptisan, Sister Kaku kebelakangan ini menamatkan satu lagi misi penuh masa—kali ini di sisi suaminya, yang menjadi presiden misi di Nigeria.

Orang yang kenal Sister Kaku berkata bahawa ada sesuatu yang istimewa tentang dia. Dia bersemarak. Ia susah untuk meluangkan masa bersama dia dan tidak berasa lebih gembira anda sendiri.

Kesaksiannya pasti: “Saya tahu bahawa Juruselamat memandang saya sebagai puteri-Nya dan kawan-Nya (lihat Mosia 5:7; Eter 3:14),” dia berkata. “Dan saya belajar dan cuba dengan sangat rajin untuk menjadi kawan Dia juga—bukan saja dengan apa yang saya katakan tetapi juga dengan apa yang saya lakukan.”

## **Kita lalah Pengikut-Pengikut**

Cerita Sister Kaku serupa dengan cerita ramai orang lain. Dia mempunyai keinginan untuk mengetahui kebenaran, dia membayar harga untuk mendapat cahaya rohani, dia menunjukkan kasihnya untuk Tuhannya dan orang di keliling, dan semasa perjalanan ini dia mengalami kesusahan dan kesengsaraan.

Tetapi tidak kira pertentangan, tidak kira kesengsaraan, dia terus maju dalam iman. Dan sama pentingnya, dia terus mempunyai kebahagiaan. Dia menjumpai cara bukan saja untuk bertahan semasa kesusahan kehidupan tetapi juga untuk berjaya walaupun kesusahan!

Ceritanya serupa dengan cerita anda dan saya.

Perjalanan kita jarang lancar atau tanpa cabaran.

Setiap kita mengalami seksaan jiwa, kekecewaan, dan kesengsaraan.

Kita mungkin rasa kecewa dan kadang-kadang rasa tertenggelam.

Tetapi orang yang menjalani kehidupan pengikut—yang kekal setia dan terus maju dalam iman; yang mempercayai Tuhan dan mematuhi;<sup>1</sup> yang mematuhi Iman setiap hari dan setiap jam; yang memberi pelayanan seperti Kristus kepada orang yang di keliling mereka, satu demi satu perbuatan baik—merupakan orang yang perbuatannya yang kecil kerap kali membuat kesan yang besar.

Orang yang sedikit lebih baik hati, sedikit lebih memaafkan, dan sedikit lebih berbelas kasihan merupakan orang yang berbelas kasihan yang akan menerima belas kasihan.<sup>2</sup> Orang yang menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik, dengan satu demi satu perbuatan yang penyayang, dan yang berusaha menjalani kehidupan pengikut Yesus Kristus yang diberkati, memuaskan, dan damai, merupakan orang yang akhirnya akan menemui kebahagiaan.

Mereka akan mengetahui bahawa “kasih Tuhan, yang mencurahkan diri-Nya merata-rata di dalam hati anak manusia . . . adalah paling dihasratkan melebihi segala-galanya . . . dan yang paling membahagiakan kepada jiwa.”<sup>3</sup>

#### NOTA

1. Lihat Mosia 4:6
2. Lihat Matius 5:7.
3. 1 Nefi 11:22-23.

### MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Uchtdorf mengajar kita bahawa jalan pengikut adalah susah tetapi orang yang menjalani “kehidupan pengikut Yesus Kristus yang diberkati, memuaskan, dan damai, merupakan orang yang akhirnya akan menemui kebahagiaan.” Seperti Presiden Uchtdorf menceritakan tentang Doe untuk menunjukkan bagaimana seorang pengikut Kristus yang benar boleh mencari kedamaian dan kebahagiaan walaupun

cabaran kehidupan, anda mungkin mempertimbangkan mengongsi cerita dari kehidupan anda sendiri tentang mengapa anda memilih untuk ikut Kristus dan bagaimana Dia telah memperkukuh anda. Apabila anda dipimpin oleh Roh, mengongsi cerita peribadi boleh memperkukuh orang yang anda ajar.

## REMAJA

### Kebahagiaan sebagai Seorang Pengikut Yesus Kristus

**A**dakah anda pernah mengalami hari yang tidak baik? Apakah yang anda lakukan untuk menjadi lebih gembira? Presiden Uchtdorf tahu bahawa “setiap kita mengalami seksaan jiwa, kekecewaan, dan kesengsaraan. Kita mungkin rasa kecewa dan kadang-kadang rasa tertenggelam.”

Jawabannya adalah untuk menjalani apa yang dia panggil “kehidupan pengikut”: “kekal setia dan terus maju dalam iman. Bila kita terus maju dalam iman, kita dapat mempercayai Tuhan, mematuhi perintah-perintah-Nya, dan melayani orang lain—dan rasa kebahagiaan melalui semuanya! Seperti Presiden Uchtdorf mengatakan, “Orang yang menjalani kehidupan pengikut . . . merupakan orang yang perbuatannya yang kecil kerap kali menjadi kesan yang besar.”

Pertimbangkanlah membuat senarai tentang cara-cara yang anda dapat menjalani kehidupan pengikut. Contohnya, anda dapat menulis idea pelayanan seperti “Membantu ibu atau bapa masak” atau idea untuk mematuhi perintah-perintah seperti “Berdoa untuk lebih kesabaran dengan adik-beradik saya.” Bila anda rasa kecewa atau tertenggelam, ambil senarai anda, pilih satu idea, dan cuba melakukannya!

## KANAK-KANAK

### Masa-masa yang Gembira dan Sedih

**K**adang-kadang ada masa-masa yang tidak beberapa gembira. Tidak mengapa. Yesus dapat menolong anda melaluinya.

Lukiskan sebuah muka yang sedih. Bagaimanakah Yesus dapat menolong anda bila anda sedih? Sekarang lukiskan sebuah muka yang bersenyum. Bagaimanakah Yesus dapat menolong anda menjadi gembira?



Iman Keluarga  
Pertolongan

# Menjalani Kehidupan yang Dibaktikan

*Kajilah pesanan ini dengan penuh doa dan cari ilham untuk ketahui apa untuk berkongsi. Bagaimanakah pemahaman tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan puteri-puteri Tuhan untuk berkat-berkat kehidupan abadi?*

“Untuk membaktikan adalah untuk meletakkan atau mendedikasikan sesuatu sebagai suci, dibaktikan untuk tujuan-tujuan kudus,” berkata Elder D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Kejayaan sebenar dalam kehidupan ini datang dalam membaktikan kehidupan kita—iaitu, masa dan pilihan kita—untuk tujuan-tujuan Tuhan.”<sup>1</sup>

Elder Neal A. Maxwell (1926-2004) dari Kuorum Dua Belas Rasul mengatakan, “Kita kerap kali memikirkan pembaktian sebagai penyerahan barangan duniawi kita apabila diarahkan secara ilahi. Tetapi pembaktian sebenar adalah penyerahan diri seseorang kepada Tuhan.”<sup>2</sup>

Semasa kita membaktikan diri kita kepada tujuan-tujuan Tuhan, iman kita kepada Yesus Kristus dan Korban Tebusan-Nya akan

meningkat. Semasa kita menjalani kehidupan yang dibaktikan, kita boleh dijadikan kudus melalui tindakan-tindakan itu.

Carole M. Stephens, Penasihat Pertama dalam Presidensi Lembaga Pertolongan, mengatakan: “Elder Robert D. Hales mengajar, ‘Bila kita membuat dan mentaati perjanjian, kita keluar dari dunia dan masuk ke kerajaan Tuhan.’

“Kita diubah. Wajah kita kelihatan berlainan, tindakan kita berlainan. Hal-hal yang kita mendengar dan membaca dan berkata lain, dan apa yang kita memakai lain kerana kita menjadi para puteri Tuhan yang terikat kepada-Nya oleh perjanjian.”<sup>3</sup>

Pembaktian ialah perjanjian yang Tuhan membuat “dengan umat Israel: Aku akan menyimpan hukum-Ku dalam batin mereka, dan menuliskannya pada hati mereka. Aku akan menjadi Tuhan mereka, dan

mereka akan menjadi umat-Ku” (Jeremiah 31:33). Menjalani kehidupan yang dibaktikan adalah selaras dengan rancangan Tuhan untuk kita.

## ***Ayat-ayat Suci Tambahan***

1 Tesalonika 1:3; Ajaran dan Perjanjian 105:5; [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org)

### **NOTA**

1. D. Todd Christofferson, “Reflections on a Consecrated Life,” *Liahona*, Nov. 2010, 16.
2. Neal A. Maxwell, “Consecrate Thy Performance,” *Liahona*, Julai 2002, 39.
3. Carole M. Stephens, “Wide Awake to Our Duties,” *Liahona*, Nov. 2012, 115–16.

### ***Pertimbangkanlah Ini***

Bagaimanakah membaktikan kehidupan kita kepada Tuhan tolong kita menjadi lebih seperti Dia?